

Headline	650,000 pokok teduhan ditanam di Putrajaya		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	14 Apr 2012	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	197,952
Page No	16	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	77 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,013
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,039



650,000 pokok teduhan ditanam di Putrajaya

PUTRAJAYA 13 April - Sehingga kini dianggarkan lebih 650,000 pokok teduhan bagi menghijaukan suasana dan mengurangkan suhu persekitaran selain bertindak sebagai penyerap karbon telah ditanam di sekitar Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan di sini.

Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), Tan Sri Samsudin Osman berkata, selain reka bentuk bangunan dan infrastruktur yang unik, Putrajaya sememangnya dikenali kerana kehijauan pokok-pokoknya.

Katanya, usaha itu melibatkan pelaburan yang besar, oleh itu adalah penting setiap pokok dijaga dengan sempurna mengikut amalan terbaik hortikultur dan arborikultur.

"Pada masa akan datang kita akan menanam kira-kira 100,000 pokok lagi di sekitar Putrajaya, oleh itu semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing agar usaha ini dapat diteruskan.

"PPj juga telah mengambil langkah bijak menjalin kerjasama pintar selama lima tahun dengan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dalam bidang pengurusan hutan bandar, landskap, rekreasi dan pendidikan alam sekitar.

"Kesemuanya itu bagi memastikan usaha menjadikan Putrajaya bandar hijau menjadi kenyataan," katanya selepas menandatangani MoU antara PPj dan FRIM di sini hari ini.